



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

CSSP PERKUKUH JARINGAN DIPLOMASI SAINS MALAYSIA-ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 10 Julai 2025 – Dari bilik kuliah ke makmal fizik tercanggih di dunia, dua pelajar Malaysia Felicia Houg Teen Teen, 28 dan Muhammad Aiman Zulkipli, 21 kini menyertai 150 saintis muda terpilih dari seluruh dunia di Program Pelajar Musim Panas CERN (CSSP) di Geneva, Switzerland. Menerusi operasi harian bermula Jun hingga Ogos 2025, mereka akan bersama kumpulan penyelidik terkemuka yang menjalankan eksperimen di Pertubuhan Penyelidikan Kajian Nuklear Eropah (CERN), sekali gus membuka peluang kerjasama dan penemuan baharu dalam bidang fizik zarah.

Felicia Houg Teen Teen, merupakan penuntut Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan kini sedang melanjutkan pengajian dalam Sarjana Sains (Sains Nuklear). Pemilihan beliau dalam CSSP menurutnya akan dimanfaatkan untuk memperkasa penyelidikan berkaitan bidang nuklear di Malaysia.

“Berada di CERN dan bekerja bersama minda paling cemerlang di dunia merupakan satu pengalaman yang luar biasa. Sebagai seorang pelajar fizik, ini adalah tempat yang paling hebat dan memberi inspirasi. Saya berharap program seperti ini menyumbang motivasi kepada generasi muda Malaysia untuk berani bermimpi dan berusaha ke arah kecemerlangan dalam bidang sains.”

Muhammad Aiman Zulkipli, penuntut di Lancaster University, United Kingdom, yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Fizik Teoritik, yakin bahawa pengalaman ini akan menjadi asas penting dalam perjalanan akademik dan kerjaya penyelidikan beliau di masa hadapan.

“Mewakili Malaysia dalam program CSSP adalah satu penghormatan yang luar biasa. Beberapa tahun lalu, peluang ini terasa seperti mimpi yang terlalu jauh. Di sini, saya bukan sahaja dapat bekerja bersama pakar-pakar dari seluruh dunia, malah berpeluang memahami secara mendalam teknologi dan eksperimen terkini dalam fizik zarah.”

Sejak tahun 2012, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Akademi Sains Malaysia (ASM), adalah badan pencalon rasmi bagi pelajar Malaysia ke CSSP. Sehingga kini, Malaysia telah menghantar 27 pelajar, termasuk peserta edisi tahun ini ke CSSP. Program ini memberi peluang kepada saintis muda negara untuk merasai sendiri pengalaman penyelidikan bertaraf dunia serta mengaplikasikan ilmu teori yang dipelajari di universiti dalam suasana penyelidikan sebenar. Panggilan untuk penyertaan dalam CSSP akan dibuka setiap awal tahun melalui saluran media rasmi ASM.

Menteri MOSTI, YB Tuan Chang Lih Kang menyifatkan penyertaan ini sebagai sebahagian usaha memperkukuh diplomasi sains, di samping pembangunan modal insan. “MOSTI komited menyediakan lebih banyak platform antarabangsa kepada saintis muda Malaysia untuk membina jaringan global dan menyumbang kepada inovasi bertaraf dunia. Penyertaan mereka selari dengan teras MADANI Daya Cipta, yang menyumbang kepada pembaharuan dan pengupayaan modal insan demi menjana daya cipta yang lebih mampan untuk kebaikan sejagat, di samping memperkukuh jaringan diplomasi sains dan penyelidikan di peringkat antarabangsa.”

Presiden ASM merangkap Penasihat Sains, Teknologi dan Inovasi kepada Perdana Menteri dan Negara, Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc menegaskan bahawa program seperti ini menyokong misi ASM dalam memperluas keterlibatan Malaysia dalam ekosistem sains global. Menurut beliau “CSSP bukan sekadar program latihan, ia merupakan jambatan kepada kerjasama penyelidikan antarabangsa dan pertukaran pengetahuan rentas budaya yang memperkukuh reputasi saintifik negara.”

Menurut laman web CSSP, program ini memberi peluang unik kepada pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang fizik, pengkomputeran, kejuruteraan dan matematik untuk menyertai tugas penyelidikan harian bersama pasukan penyelidik. Selain pengalaman penyelidikan berprestij bertaraf dunia, peserta turut berpeluang merasai suasana kerja dalam persekitaran pelbagai disiplin dan budaya, memberikan pengalaman peribadi yang amat berharga.

Sepanjang program, selain penglibatan secara langsung dalam pasukan penyelidikan, peserta turut menghadiri siri kuliah yang disampaikan oleh pakar-pakar fizik teori, fizik zarah eksperimental dan pengkomputeran dari pelbagai negara. Kesemua peserta juga akan membuat lawatan ke kemudahan pemecut zarah dan kawasan eksperimen, di samping sesi perbincangan, bengkel serta sesi pembentangan poster hasil penyelidikan.

#TAMAT#

Diterbitkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

10 Julai 2025



Kit Media: CERN 2025

**Pertanyaan Media:
Unit Komunikasi Korporat, Akademi Sains Malaysia**

**Siti Sarah binti Abd Rahman
siti.sarah@akademisains.gov.my
(+6011 1142 5446)**